

RAML (tengah) menunjukkan dadah yang dirampas, semalam.



Oleh Amir Abd Hamid  
amir\_hamid@mediapri-  
ma.com.my

Kuala Lumpur

**D**ua pegawai polis antara 14 suspek ditahan dalam serbuan terhadap sindiket dadah di Selangor, Kuala Lumpur, Johor dan Sarawak, bermula 1 Julai hingga kelmarin.

Dalam serbuan itu, pelbagai dadah seberat 182 kilogram bernilai RM10 juta dirampas, dianggarkan untuk pasaran 580,000 penagih.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Ramli Din berkata, kedua-dua pegawai yang ditahan masing-masing berpangkat asisten superintendan dan sub inspektor bertugas di Sarawak serta didapati bersekongkol dengan sindiket berkenaan.

Beliau berkata, dalam operasi dinamakan Op Nutcracker itu polis percaya dapat melumpuhkan dua sindiket pengedaran dadah terbesar ke Sarawak setakat ini.

"Semua suspek berusia antara 26 dan 58 tahun itu ditangkap menerusi 12 serbuan berasingan di Selangor, Kuala Lumpur, Johor dan Sarawak, sejak 1 Julai sehingga semalam (kelmarin).

"Kejayaan operasi ini hasil risikan selama tiga bulan. Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesahkan tidak akan se-

# Polis sekongkol dadah 182kg

## Dua pegawai polis antara 14 dicekup dalam serbuan babit rampasan dadah RM10 juta

kali-kali berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana warga PDRM yang menjadi duri dalam daging bersekongkol dengan sindiket dadah," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, semalam.

Ramli menegaskan walaupun jauh dari Bukit Aman seperti Sarawak, namun pergerakan setiap pegawai dan anggota dipantau ibu pejabat PDRM.

"Peranan pegawai polis itu dalam kes ini adalah mereka bersekongkol dengan sindiket dadah. Sarawak bukan luar dari jangkauan kita di Bukit Aman.

"Kita tak mahu orang yang kita harap jadi 'duri'. Peman-tauan berterusan dilakukan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan JSJN sendiri," katanya.

Mengulas lanjut, katanya,

semua suspek membabitkan 12 lelaki dan dua wanita tempatan manakala dadah yang dirampas eramin 5, syabu serta ketamin.

Katanya, kedua-dua pegawai polis disiasat mengikut Seksyen 3(1) Akta Dadah Berbahaya (ADB) Langkah-langkah Pencegahan Khas (LLPK) 1985 manakala 12 lagi disiasat mengikut Seksyen 39B ADB 1952.

"Semua suspek ditahan reman antara enam dan tujuh hari. Hasil siasatan mendapati empat daripada lelaki (suspek) ditahan itu ada rekod jenayah dan dadah iaitu Seksyen 4B(a) Akta Rumah Judi Terbuka 1953, Seksyen 408 Kanun Keseksaan (KK) pecah amanah, Seksyen 12(3) ADB 1952 memiliki dadah dan Seksyen 15(1) ADB 1952.

"Pada 3 Julai lalu JSJN membongkar makmal dadah di kawasan pedalaman Batang Kali, Selangor yang didapati beroperasi sejak September tahun lalu.

"Makmal ini mampu menghasilkan 70,000 pil eramin 5 dalam satu masa yang bernilai RM1 juta. Ke-kerapan memproses tiga hingga lima kali seminggu," katanya.

Menurutnya, pelbagai aset sindiket disita membabitkan nilai RM1.07 juta termasuk sembilan kenderaan, satu motosikal, empat utas jam tangan, wang tunai dan wang di dalam akaun.

Modus operandi sindiket, katanya, menyewa hotel mewah sekitar Kuala Lumpur untuk membungkus dadah dalam kotak makanan bagi mengaburi mata pihak berkuasa di lapangan terbang.

"Kotak dan bungkusan makanan berisi dadah itu dibawa keldai dadah dari Sarawak yang diupah membawa barangan itu menerusi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) atau Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) ke Sarawak.

"Siasatan mendapati sindiket membuat penghantaran sebanyak 28 kali. Setiap penghantaran menggunakan seorang hingga tiga orang keldai dadah," katanya.